



Disahkan Untuk Penggunaan

Tarikh Kuatkuasa 17/9/13

Pengarah Undang-Undang  
MPSP

NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 23  
Jil. 22

25hb Oktober 1979

TAMBAHAN No. 17  
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 43.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL (RUMAH URUT)

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, 1978

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta 171, seksyen-seksyen 73 (b) (i), 101 (v) dan 102 (s), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 24hb Ogos, 1978, telah meluluskan Undang-undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Undang-undang Kecil");

Oleh itu maka, sekarang ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak-berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil *Nama* (*Rumah Urut*) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978.
2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya *Takrif*, menghendaki makna yang lain—

"Pegawai Kesihatan" ertinya pegawai yang pada masa ini menjalankan tugas-tugas seorang Pegawai Kesihatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai;

"Pelanggan" ertinya sesiapa yang datang mendapatkan rawatan di mana-mana rumah urut;

"Pemegang lesen" ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini;

"Rawatan" ertinya mengurut, memotong kuku, merawat penyakit kaki, rawatan letrik atau wap atau permandian lain atau rawatan lain yang serupa;

**"Rumah Urut"** ertinya premis yang digunakan atau merupakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai tempat menerima orang-orang untuk rawatan mengurut, memotong kuku, merawat penyakit kaki, rawatan elektrik atau wasp atau permandian lain atau rawatan lain yang serupa selain daripada rawatan yang diberikan di hospital, infarmari, tempat merawat atau pusat pemulihan atau lain-lain tempat yang serupa:

Dengan syarat premis seseorang tukang gunting tidak boleh dianggap sebagai rumah urut walaupun rawatan mengurut muka atau kulit kepala atau memotong kuku diberikan dalam premis tersebut.

**"Yang Dipertua"** ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Melaksanakan  
orang untuk  
menjalankan  
rumah urut.

3. (1) Yang Dipertua boleh bagi pihak Majlis meluluskan lesen-lesen di bawah Undang-undang Kecil ini dengan syarat-syarat tertentu mengikut keadaan yang memerlukan demi menjaga kepentingan orang ramai selepas Pegawai Kesihatan mengesahkan bahawa pemohon telah menunaikan segala kehendak Undang-undang Kecil ini.

(2) Adalah menjadi satu kesalahan untuk menjalankan urusan perniagaan rumah urut tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi pengeluaran atau pembaharuan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam bentuk yang ditetapkan seperti di dalam Borang "A" kepada Jadual bersama ini.

(4) Jika suatu permohonan dibuat oleh sebuah pertubuhan yang di perbadankan atau sesebuah firma, permohonan itu hendaklah ditandatangan-timbal oleh orang kepada siapa lesen itu hendak dikeluarkan.

(5) Pegawai Kesihatan boleh menghendaki tiap-tiap pemohon yang meminta pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen menghadirkan dirinya di Pejabat Majlis.

(6) Tiap-tiap pemohon bagi pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen hendaklah mengemukakan dengan belanjanya sendiri dua keping gambar foto ukuran paspot bagi dirinya sendiri, satu salinan gambar akan dilekatkan kepada lesen tersebut dan satu lagi akan dilekatkan kepada salinan kedua lesen yang akan disimpan oleh Pegawai Kesihatan sepetimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil 5 dalam Undang-undang Kecil ini.

(7) Di atas penerimaan permohonan untuk suatu lesen, Pegawai Kesihatan boleh menghendaki pemohon memberikan maklumat tambahan jika dikehendaki olehnya.

Pengeluaran  
lesen.

4. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dalam Borang "B" seperti Jadual bersama ini.

(2) Tiap-tiap lesen sedemikian hendaklah dibuat dalam dua salinan di mana salinan asalnya hendaklah diberi kepada pemegang lesen dan salinan keduanya disimpan oleh Majlis.

Daftar  
Lesen.

5. Pegawai Kesihatan hendaklah menyimpan semua salinan lesen-lesen yang kedua dengan selamatnya dan hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Lesen yang mengandungi butir-butir yang terdapat dalam tiap-tiap lesen yang difikirkan perlu olehnya.

Bayaran  
lesen.

6. (1) Bayaran lesen yang kena dibayar bagi tiap-tiap buah rumah urut ialah seperti berikut—

4 bilik dan ke bawah ...	\$400.00 setahun
5-8 bilik ...	\$500.00 setahun
9-12 bilik ...	\$600.00 setahun
Lebih daripada 12 bilik ...	\$800.00 setahun

(2) Tiap-tiap lesen akan tamat tempohnya pada 31hb Disember, pada tahun ianya dikeluarkan.

Sekatan.

7. Lesen tidak boleh dikeluarkan—

- (a) kepada sesiapapun yang di bawah umur dua puluh satu tahun;
- (b) kepada sesiapapun yang pada pendapat Yang Dipertua tidak sesuai memegang lesen sedemikian;
- (c) bagi premis yang pada pendapat Yang Dipertua tidak sesuai untuk tujuan rumah urut atau penyesuaian atau peruntukan rawatan pada pendapatnya tidak mencukupi atau sesuai;
- (d) bagi mana-mana rumah urut dalam mana urut menyembuh atau lain-lain rawatan menyembuh adalah atau mungkin diberikan oleh sesiapa yang tidak mempunyai kelayakan teknikal yang mungkin pada pendapat Yang Dipertua perlu; atau
- (e) bagi mana-mana rumah urut yang sedang dijalankan atau yang mungkin dijalankan melanggar Undang-undang Kecil ini.

8. (a) Yang Dipertua bolehlah sebelum mengeluarkan suatu lesen, menghendaki pemohon memberi jaminan dengan secara wang tunai atau memasukki suatu bon dengan atau tanpa penjamin jika Yang Dipertua anggap perlu, bagi mempastikan yang peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan syarat-syarat lesen itu dipatuhi.

Jaminan.

(b) Apa-apa sejumlah wang yang dicagarkan atau bon yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah dirampas seluruhnya atau sebahagiannya menurut budibicara Yang Dipertua jika melanggar mana-mana syarat atau Undang-undang Kecil ini.

9. Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini jika beliau berpuashati—

Pembatalan lesen.

- (a) bahawa ada mana-mana pelanggaran syarat-syarat lesen itu atau melanggar Undang-undang Kecil ini; atau
- (b) bahawa ada mana-mana pelanggaran keamanan, sekatan, gangguan atau kekacauan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan rumah urut di mana lesen telah dikeluarkan.

#### KAWALAN DAN PENGURUSAN

10. Pemegang lesen tidak boleh memindahmilik atau meminjamkan leseninya kepada sesiapapun.

Lesen tidak boleh dipindahmilik.

11. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamirkan di suatu tempat ketara di luar rumah urut itu satu papantanda yang menunjukkan dengan jelas nama atau gelaran rumah sedemikian, dan hendaklah juga ada dipamirkan di suatu tempat yang sesuai dalam rumah urut sedemikian lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini.

Mempamirkan lesen dan papantanda.

12. Pemegang lesen tidak boleh—

- (a) membenarkan sesiapa yang diketahuinya atau aja sebab untuk dipercayai sebagai seorang pelacur atau seorang yang jahat perangainya memasukki rumah urut itu;
- (b) menggaji dalam rumah urut itu sesiapa yang diketahuinya atau ada sebab untuk dipercayai sebagai seorang pelacur atau seorang yang jahat perangainya;
- (c) menggaji dalam rumah urut itu sesiapa yang berumur di bawah dua puluh satu tahun;
- (d) membenarkan apa-apa perjudian, kemabukkan atau kelakuan yang tidak senonoh dalam apa bentuk sekalipun dalam rumah urutnya itu;

Sekatan.

- (e) memberi rawatan atau membenarkan rawatan diberikan dalam rumah urutnya itu dalam mana-mapa bilik yang pintunya telah dikunci dari dalam bilik itu;
- (f) menggaji sesiapa yang tidak disahkan sihat oleh mana-mana doktor perubatan yang berdaftar;
- (g) membenarkan apa-apa urusan perniagaan dalam rumah urut dijalankan kecuali antara jam 10.00 pagi dan 12.00 tengah malam.

Daftar Pelanggan.

13. (1) Pemegang lesen mestilah menghendaki tiap-tiap pelanggan dan tiap-tiap pelanggan hendaklah memberikan butir-butir yang berikut—

- (a) nama penuhnya termasuk "seh" untuk orang Cina dan untuk orang Melayu dan Hindu, nama bapanya;
- (b) butir-butir dalam kad pengenalan, paspot atau permit bermasautin yang dikeluarkan kepadanya;
- (c) alamatnya sekarang;
- (d) pekerjaan dan tempat bekerjanya;
- (e) kewarganegaraan dan bangsa; dan
- (f) masa dan tarikh ia sampai.

(2) Butir-butir yang terdapat di dalam perenggan di atas hendaklah dimasukkan di dalam suatu daftar yang akan disediakan oleh pemegang lesen dan ditandatangani atau dicapkan ibu jari kanan pelanggan yang memberikan butir-butir yang tersebut.

(3) Selepas pelanggannya meninggalkan tempat itu, pemegang lesen hendaklah merekodkan diruangan yang berkaitan masa pelanggannya meninggalkan tempat tersebut.

(4) Pemegang lesen, kakitangan atau pelanggannya tidak boleh memasukkan atau menyebabkan dimasukkan dalam daftar, butir-butir yang ia ketahui atau dengan secara kerajinan yang diketahui adalah palsu.

(5) Pemegang lesen dan kakitangannya tidak boleh memberi rawatan sehingga pelanggan itu memasukkan semua butir-butirnya di dalam daftar.

Memberitahu pertukaran alamat, dsb.

14. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Yang Dipertua tentang sebarang pertukaran nama atau alamat rumah urut itu, dan rawatan yang diberikan atau jenis perniagaan yang dijalankan atau nama-nama pekerjaanya di rumah urut sedemikian dalam masa tujuh hari berlakunya pertukaran itu.

#### MUTU KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Ukuran bilik.

Pintu berayun dilengkapkan pada bilik.

Ganti-udara dan pencahayaan tiruan.

15. (1) Tiada bilik di bawah aras bumi di mana-mana rumah urut boleh digunakan untuk tujuan apa-apa rawatan, dan semua bilik yang digunakan untuk merawat pelanggan-pelanggan hendaklah mempunyai keluasan lantai minima seratus dua puluh kaki persegi.

(2) Tidak lebih daripada seorang pelanggan boleh diterima dalam sebuah bilik pada sebarang masa untuk tujuan apa-apa rawatan.

(3) Tiap-tiap bilik yang digunakan untuk tujuan rawatan hendaklah dilengkapkan dengan pintu-pintu berayun yang tidak boleh ditutup rapat.

16. (1) Semua bilik yang digunakan untuk menerima pelanggan-pelangan-hendaklah disediakan dengan sebuah jendela atau jendela-jendela sehampir mungkin dengan bahagian atas bilik itu dan terbuka ke udara lepas. Keluasan ruang jendela yang boleh terbuka ke udara itu hendaklah sekurang-kurangnya dua belas kaki persegi atau satu persepuluh daripada keluasan lantai bilik itu, yang mana satu yang lebih besar. Dengan syarat kehendak ini tidak dikenakan kepada bilik berhawa dingin.

(2) Tiap-tiap bilik air atau bilik mandi hendaklah disediakan dengan alat-alat ganti udara yang terbaik terus ke udara lepas dengan cara jendela-jendela yang beruangan sekurang-kurang dua kaki persegi atau shaf ganti-udara atau ganti-udara mekanikal atau corong yang mempunyai keluasan mukakeratan tanpa halangan sekurang-kurangnya lima puluh inci persegi.

(3) Tiap-tiap bilik, tangga, laluan dan pelantaran yang merupakan sebahagian daripada mana-mana rumah urut hendaklah disediakan dengan pencahayaan secukupnya.

17. (1) Alat kelengkapan pemadam api hendaklah dipasangkan dan disenggarakan di semua rumah urut dengan memuaskan pihak Majlis.

Alat pemadam api dan pintu kecemasan.

(2) Tangga dan pintu-pintu kecemasan secukupnya hendaklah disediakan dan disenggarakan di semua rumah urut dengan memuaskan pihak Majlis.

(3) Semua tangga, laluan, pelantaran dan pintu kecemasan hendaklah dibebaskan daripada semua halangan dan setiap pintu hendaklah dibina dan dipasangkan sedemikian rupa supaya senang dibuka.

18. Tiap-tiap rumah urut hendaklah disediakan dengan perbekalan air secukupnya dengan memuaskan Pegawai Kesihatan Majlis.

Bekalan air.

19. Tempat membasuh dan kemudahan kebersihan secukupnya hendaklah disediakan dan disenggarakan untuk pelanggan-pelanggan dan kakitangan tiap-tiap rumah urut dengan memuaskan Pegawai Kesihatan Majlis. Di mana tidak ada saluran najis, kemudahan kesihatan hendaklah disediakan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Kesihatan.

Kemudahan kebersihan untuk pelanggan dan kakitangan.

20. (1) Semua bilik air dan tempat buang air dan tiap-tiap bahagian perkakas bilik-bilik air dan tempat-tempat buang air sedemikian hendaklah dijaga dengan bersih dan tiap-tiap longkang dan saluran dan semua 'flushed cisterns' dengan mana alat-alat itu atau mana-mana satu dari padanya berhubung hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik.

Premis dijaga bersih.

(2) Tiap-tiap bilik mandi, besin mandi dan besin membasuh hendaklah dbersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

(3) Semua bilik, laluan, pelantaran dan tangga yang merupakan sebahagian daripada mana-mana rumah urut hendaklah disapu dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

(4) Semua kerusi panjang, katil, kerusi, alat perkakas yang digunakan untuk mengurut atau memberi rawatan, begitu juga kain cadar, kain alas dan linen di dalam bilik hendaklah dijaga cuci dan bersih dan bebas daripada kutu hama.

21. (1) Sampah sarap atau kekotoran dari apa jenis sekalipun tidak dibenarkan disimpan di mana-mana bahagian sesebuah rumah urut melainkan dalam tong-tong sampah jenis yang diluluskan yang disediakan untuk tujuan itu, dan penyediaan tong-tong sampah sedemikian, tempat dan bilangannya, hendaklah seperti yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

Tong sampah.

(2) Mengganti dan mengosongkan tong-tong sampah hendaklah dijalankan menurut arahan Pegawai Kesihatan.

22. (1) Tiap-tiap bahagian struktur dan tiap-tiap alat perkakas jentera dan elektrik yang digunakan oleh sebuah rumah urut hendaklah disenggarakan sepanjang masa dalam keadaan baik dan terpelihara.

Penyenggaraan dan perbaikan.

(2) Semua pekarangan, kawasan, halaman depan dan tanah lapang yang merupakan sebahagian daripada mana-mana rumah urut hendaklah dijaga bersih dan bebas dari penimbunan kotoran atau lain-lain sampah sarap.

(3) Semua permukaan dalam dan luar struktur tidak termasuk lantai hendaklah dicat, disapuwarna atau ditampal kertas, mengikut mana yang berkenaan, sekurang-kurangnya setahun sekali atau lebih kerap lagi sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

## AM

Kuasa  
memasuki  
dan  
memeriksa  
premis.

Denda.

Tanggungan.

Pemansuhan.  
Pg. P.U.  
29/61.  
Pg. P.U.  
72/61.

23. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk tujuan ini boleh memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan atau mana-mana pegawai yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ianya digunakan sebagai rumah urut boleh memeriksa semua buku atau dokumen lain yang terdapat di dalam premis itu dan memindahnya untuk pemeriksaan yang selanjutnya dan tanpa perasangka kepada peruntukan am yang tersebut lebih dahulu Yang Dipertua, Pegawai kesihatan atau pegawainya yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh—

- (a) memasuki ke dalam bilik untuk mengenalkan pelanggan;
- (b) meminta penerangan daripada pemegang lesen dan kakitangan-nya.

24. Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan bagi sesuatu kesalahan yang berterusan denda yang tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

25. Seorang pengurus atau sesiapa secara langsung atau secara tidak langsung diberi tanggungan terhadap pengurusan sebuah rumah urut hendaklah sama berkewajipan seperti pemegang lesen untuk menunaikan dan mematuhi Undang-undang Kecil ini.

26. Undang-undang Kecil Rumah Urut, Majlis Daerah Utara, Sebera Perai, 1961 dan Undang-undang Kecil Rumah Urut, Majlis Bandaran Bukit Mertajam, 1960 adalah dengan ini dibatalkan.

Bertarikh pada 12hb Oktober, 1979.  
[PSUK/PP/16881/Bah. 17;  
MPSP/10/1-65/21; PIJ/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

## JADUAL

## Borang "A"

UNDANG-UNDANG KECIL (RUMAH URUT)  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, 1978

## PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN LESEN/MEMBAHARUI LESEN

Tarikh.....

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran,  
Seberang Perai.

Dengan ini saya memohon \*suatu lesen/membaharui lesen saya bagi rumah urut saya/kami\* yang menjalankan perniagaan di bawah nama atau gelaran ..... dan bertempat di.....

Dj. bawah ini diberikan butir-butir yang dikhendaki:

1. Nama penuh pemohon dan No. Kad Pengenalan/Paspot/Permit Bermastautin No.....  
(Sebutkan samada Encik, Nyonya, Puan atau Cik)

2. Alamat peribadi pemohon

.....  
3. Tarikh lahir pemohon.....  
Jika tarikh yang benar tidak diketahui, nyatakan umur yang lebih kurang

Bangsa .....

Kewarganegaraan .....

4. (a) Nyatakan samada perniagaan itu ialah satu perniagaan kepunyaan tunggal, perkongsian syarikat berhad

.....  
(b) Nyatakan dalam sifat apakah pemohon ada kaitannya dengan perniagaan itu, jika selain daripada sebagai tuan punya tunggal

5. Nama-nama dan alamat-alamat peribadi rakan perkongsian (jika ada)

6. Alamat surat-menyerat yang hendak dihantar

(a) Kelayakan Pemohon.....

(b) Kelayakan rakan perkongsian dan/atau kaitangan.....

	Nama	No. Kad Pengenalan	Umur	Alamat	Kelayakan	Samada Rakan Perkongsian, kakitangan, dsb.
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

8. Jenis rawatan yang diberikan (misalnya mengurut, memotong kuku, merawat penyakit kaki, permandian, dsb.) .....
9. Perihal ringkas peralatan atau perkakas yang diberikan.....
10. Bilangan bilik yang digunakan dalam rumah urut itu.....
11. Tarikh rumah urut itu mula-mula sekali menjalankan perniagaan .....
12. Nama-nama dan alamat-alamat rumah urut lain yang dijaga atau diuruskan oleh pemohon atau dengan mana ia ada hubungan dalam apa cara juapun .....
13. Adakah pemohon—  
 (a) terdahulu dari ini telah dikeluarkan dengan suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil ini. Jika ada, tarikh keluaran dan No. Lesen .....
- (b) pernah ditolak daripada mendapatkan suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil ini .....
- (c) pernah lesennya dibatalkan di bawah Undang-undang Kecil ini .....

*Tandatangan Pemohon*

Dengan ini saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan dalam permohonan ini mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar.

(\*Potong mana yang tidak berkenaan)

**PERHATIAN—**

- (a) Dua keping gambarfoto pemohon dan pekerja-pekerjanya hendaklah dikepilkan bersama dengan permohonan ini.
- (b) Di bawah perenggan 3 (6), sijil-sijil akuan asalnya hendaklah dikepilkan dan akan dikembalikan selepas diteliti.

+ BORANG "B"  
**UNDANG-UNDANG KECIL (RUMAH URUT)**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, 1978**

Untuk kegunaan Pejabat sahaja.

Lesen No.....

**LESEN MENJALANKAN RUMAH URUT**

Gambarfoto ukuran  
paspot pemegang  
lesen dilekatkan  
di sini.

Encik/Nyonya/Puan/Cik\* .....

(Kad Pengenalan No.....) dari.....

..... yang gambarfotonya dilekatkan  
bersama ini dengan ini dilesenkan untuk menjalankan rumah urut yang  
dikenali sebagai.....

bertempat di.....  
tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil (Rumah  
Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978.

Lesen ini akan terus berkuatkuasa sehingga.....  
melainkan dibatalkan sebelum tarikh sedemikian di bawah peruntukan  
peruntukan Undang-undang Kecil tersebut.

Bayaran diterima \$..... (Ringgit.....)

.....  
*Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran, Seberang Perai*

\*Potong mana yang tidak berkenaan

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
**MUNICIPAL COUNCIL SEBERANG PERAI**  
**(MASSAGE ESTABLISHMENTS) BY-LAWS, 1978**

**Act 171.**

WHEREAS in exercise of the powers conferred by sections 73 (b) (i), 101 (v) and 102 (s) of the Local Government Act 1976, Municipal Council Seberang Perai at a meeting of the Council held on 24th August 1978, passed the Municipal Council Seberang Perai (Massage Establishments) By-laws, 1978 (hereinafter referred to as "the By-laws");

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby confirms the By-laws as follows:

**Citation.**

1. These By-laws may be cited as the **Municipal Council Seberang Perai (Massage Establishments) By-laws 1978**.

**Interpretation.**

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—  
 — “client” means any person seeking treatment in any massage establishment;

“Health Officer” means the officer for the time being carrying out the duties of Health Officer, Municipal Council Seberang Perai;

“massage establishment” means any premises used or intended to be used or represented as being used or equipped for the treatment of persons by massage, manicure, chiropody or for electrical treatment, vapour or other baths or other similar treatment, other than hospitals, infirmaries, nursing or convalescent homes or other similar establishments;

Provided that a hairdresser's premises shall not be regarded as being a massage establishment solely by reason of the administration of facial or scalp massage or manicure treatment.

“licensee” means a person who holds a current licence under these By-laws;

“treatment” means massage, manicure, chiropody, electrical treatment or vapour or other baths or other similar treatment;

“President” means the President, Municipal Council Seberang Perai.

**Licensing of  
persons to  
carry on  
massage  
establishments.**

3. (1) The President may on behalf of the Council approve licences under these By-laws with such conditions as circumstances may require in the interest of the public after the Health Officer has certified that the applicant has complied with all the requirements of these By-laws.

(2) It shall be an offence to carry out the business of a massage establishment without a licence issued by the President.

(3) Every application for the issue or renewal of a licence shall be made in Form “A” set out in the Schedule hereto.

(4) Where an application is made by a body corporate or firm, the application shall be countersigned by the person to whom it is desired the licence should be issued.

(5) The Health Officer may require any applicant for the issue or renewal of a licence to attend in person at the Council office.

(6) Every applicant for the issue or renewal of a licence shall provide at his own expense two passport size copies of his photograph, to be affixed one to the licence and the other to the duplicate copy of the licence kept by the Health Officer provided in By-law 5 of these By-laws.

(7) On receipt of an application for a licence the Health Officer may require the applicant to furnish him with such additional information as he may require.

4. (1) Every licence issued by the Council shall be in Form "B" set out in the Schedule hereto. Issue of  
licence.

(2) Every such licence shall be made out in duplicate, of which the original copy shall be given to the licensee and the duplicate copy retained by the Council.

5. The Health Officer shall keep all duplicate copies of the licence in safe custody and shall maintain a Licence Register containing such particulars appearing in each licence as he considers necessary. Licence  
Register.

6. (1) The fee payable for a licence in respect of each massage establishment shall be— Fee for a  
licence.

4 rooms and below ... ...	\$400.00 per annum
5-8 rooms ... ...	\$500.00 per annum
9-12 rooms ... ...	\$600.00 per annum
More than 12 rooms ... ...	\$800.00 per annum

(2) Every licence shall expire on the 31st of December in the year in which it is issued.

7. No licence shall be issued— Restriction.

- (a) to any person under the age of twenty-one years;
- (b) to any person who in the opinion of the President is unsuitable to hold such licence;
- (c) in respect of premises which are in the opinion of the President unsuitable for the purpose of a massage establishment or in which the accommodation or provision for treatment is not in his opinion reasonably adequate or suitable;
- (d) in respect of any massage establishment in which any curative massage or other curative treatment is or may be administered by any person who does not possess such technical qualification as may in the opinion of the President be necessary; or
- (e) in respect of any massage establishment which is being or is likely to be carried on in contravention of these By-laws.

8. (a) The President may, before issuing a licence require the applicant to give security, either in the form of a cash deposit or by entering into a bond with or without sureties as the President may think fit, that the provisions of these By-laws and of the conditions of the licence shall be duly observed. Security.

(b) Any sum deposited or bond entered into under this By-law shall be liable to forfeiture in whole or in part at the discretion of the President in the event of any breach of the conditions or the By-laws.

9. The President may at any time revoke any licence issued under these By-laws if he is satisfied— Revocation of  
licence.

- (a) there has been any breach of the conditions of the licence or any contravention of these By-laws; or
- (b) there has been any breach of the peace, obstruction, annoyance or injury to the residents in the locality of the massage establishment in respect of which the licence was issued.

**CONTROL AND MANAGEMENT****Licence not  
to be  
transferred  
or lent.****Display of  
licence and  
sign-board.****Prohibition.****Register of  
clients.****Notification  
for change  
of address,  
etc.**

**10. No licensee shall transfer or lend his licence to any person.**

**11. Every licensee shall keep displayed in a conspicuous place outside the massage establishment a sign-board showing plainly the name or style of such establishment, and shall also keep displayed in a suitable place within such establishment the licence issued under these By-laws.**

**12. No licensee shall—**

- (a) permit any person whom he knows or has reason to believe to be a prostitute or a person of bad character to enter into his massage establishment;
- (b) employ any person whom he knows or has reason to believe to be a prostitute or a person of bad character;
- (c) employ any person who is under the age of twenty-one years;
- (d) permit any gaming, drunkenness or disorderly conduct of any kind in a massage establishment;
- (e) give treatment or permit treatment to be given in rooms which have been made fast;
- (f) employ any person who has not been certified fit by a registered medical practitioner;
- (g) allow any business in the massage establishment to be carried on except between the hours of 10.00 a.m. and 12.00 midnight.

**13. (1) The licensee shall require every client to, and every such client shall, furnish the following particulars—**

- (a) his full name, including in the case of a Chinese, his "Seh" and in the case of a Malay or Indian, the name of his father;
- (b) particulars of any identity card, passport, or other residence permit issued to him;
- (c) his current address;
- (d) his occupation and place of employment;
- (e) his nationality and race; and
- (f) the hour and date of his arrival.

**(2) The particulars described in the foregoing paragraph shall be entered forthwith in a register to be provided by the licensee and signed or authenticated by the right thumbprint by the client to whom the particulars relate.**

**(3) On the departure of such client, the licensee shall record against the relevant entry the hour of his departure.**

**(4) No licensee, employee or client shall enter or cause to be entered in the register any particulars which he knows or could be exercise of reasonable diligence have ascertained to be false.**

**(5) A licensee and his employee shall not give treatment unless a client has entered all his particulars in the register.**

**14. The licensee shall notify the President of any change in the name or address of the massage establishment or in the treatment afforded or in the nature of the business carried on or in the names of any employees at such establishment within seven days of any such change.**

### STANDARDS OF HYGENIC AND SAFETY

15. (1) No room below ground level in massage establishment shall be used for the purpose of treatment and all rooms used for the massage or treatment of clients shall have a minimum floor area of one hundred and twenty square feet.

(2) Not more than one client shall be accommodated in each room for the purpose of treatment.

(3) Every room used for the purpose of treatment shall be fitted with swing doors which shall not be capable of being made fast.

16. (1) All rooms used for the accommodation of clients shall be provided with a window or windows as near the top of the room as practicable and opening directly into the external air. The area of window space capable of opening directly into the external air shall be at least twelve square feet or one-tenth of the floor area of the room whichever is greater—

Provided that this requirement shall not apply to air-conditioned rooms.

(2) Every closet or bathroom shall be provided with efficient means of ventilation directly into the external air by means of windows having an area of at least two square feet, or ventilation shafts or mechanical ventilation or a flue having an unobstructed sectional area of at least fifty square inches.

(3) Every room, staircase, passage and landing forming part of any massage establishment shall be provided with adequate artificial lighting and every room, staircase, passage and landing shall be kept so lighted whenever it is necessary.

17. (1) Fire fighting equipment shall be installed and maintained in all massage establishments to the satisfaction of the Council.

(2) Adequate staircase and exits shall be provided and maintained in all massage establishments to the satisfaction of the Council.

(3) All staircases, passages, landings and exits shall be kept clear of all obstructions and every door shall be so constructed and fitted as to be readily opened.

18. Every massage establishment shall be provided with an adequate water supply to the satisfaction of the Health Officer.

Supply of water.

19. Adequate sanitary and washing accommodation shall be provided and maintained for the clients and staff of every massage establishment to the satisfaction of the Health Officer. In places where sewers are not available, sanitary arrangements shall be subject to the approval of the Health Officer.

Sanitary facilities for clients and staff.

20. (1) All closets and urinals and every part of the apparatus of such water closets and urinals shall be kept clean and every drain or means of drainage and all flushed cisterns with which they or any of them may communicate shall be maintained in good order and efficient condition.

(2) Every bathroom, bath and washing basin shall be cleaned at least once a day.

(3) All rooms, passages, landings and staircases forming part of any massage establishment shall be swept and cleaned at least once a day.

(4) All couches, beds, chairs, appliances and equipment used for treatment, as well as all linen in the rooms shall be kept in a clean and sanitary condition and free from vermin.

Premises to be kept clean.

Size of rooms.

Swing doors to be fitted to rooms.

Ventilation and artificial lighting.

## Dustbins.

21. (1) No dry or liquid refuse or filth of any sort whatsoever shall be permitted to be deposited in any part of the massage establishment except in approved pattern dustbins provided for the purpose and the provision of such dustbins, their location and number shall be as directed by the Health Officer.

(2) Replacement and clearing of refuse bins shall be carried out as directed by the Health Officer.

Maintenance  
and repair.

22. (1) Every part of the structure of the massage establishment shall be maintained at all times in good order and repair.

(2) All yards, areas forecourts and open spaces forming part of any massage establishment shall be maintained at all times in good order and shall be kept clean and free from the accumulation of filth or other refuse.

(3) All internal and external surfaces of the structure, excepting floors shall be painted, colour-washed or papered as the case may be at least once a year or oftener as directed by the Health Officer.

## GENERAL

Power to  
enter  
and inspect  
premises.

23. The President or any officer duly authorised by him in writing in that behalf may enter and inspect any premises which are used or which such officer has reasonable cause to believe are being used for the purpose of a massage establishment and examine all books or other documents found in the premises and remove them for further examination and without prejudice to the generality of the foregoing the President, Health Officer or any officer duly authorised by the President in writing in that behalf may—

(a) enter into rooms to identify clients;

(b) require information from the licensee and his employees.

## Penalty.

24. Any person who contravenes any of the provisions in these By-laws shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence a sum not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

## Liability.

25. A manager or any other person directly or indirectly responsible for the management of a massage establishment shall be under the same obligation as the licensee to comply with and secure the observance of these By-laws.

Repeal.  
Pg. L/N.  
29/61.  
Pg. L/N.  
72/61.

26. The District Council North, Province Wellesley Massage Establishments By-laws, 1961 and the Bukit Mertajam Town Council Massage Establishments By-laws, 1960 are hereby repealed.

Dated 12th October, 1979.

[PSUK/PP/16881/Bah. 17;  
MPSP/10/1-65/21; PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,  
Clerk of Council,  
State Executive Council, Penang

## SCHEDULE

## Form "A"

MUNICIPAL COUNCIL SEBERANG PERAI  
(MASSAGE ESTABLISHMENTS) BY-LAWS, 1978

## APPLICATION FOR A LICENCE/RENEWAL OF A LICENCE

Dated.....

The President,  
Municipal Council,  
Seberang Perai.

I hereby apply for \*a licence/the renewal of my licence in respect of  
 \*my/our massage establishment, carrying on business under the name  
 or style of.....  
 and situated at.....

Hereunder are given the particulars required:

1. Applicant's name in full and Identity Card/Passport/Residence  
 Permit No.....  
 (State whether Mr, Mrs, Madam or Miss)

2. Private address of applicant.....

3. Applicant's date of birth.....  
 If the exact date is not known, state approximate age.....

Applicant's race.....  
 Nationality.....

4. (a) State whether the business is a sole-proprietorship, partnership,  
 or limited company.....

(b) State in what capacity applicant is connected with the business, if  
 other than a sole-proprietor.....

5. Names and private addresses of partners (if any).....

6. Address to which correspondence is to be sent.....

7. (a) Technical qualifications of applicant.....

(b) Technical qualification of partners and/or employees.....

	Name	I/C. No.	Age	Address	Qualifications	Whether Partner, Employee, etc.
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

8. Nature of treatment afforded (e.g. massage, manicure, chiropody, baths, etc.).....

9. Brief description of appliances or apparatus used.....

10. Number of rooms used in the massage establishment.....

11. Date on which the establishment first commenced business.....

12. Names and addresses of other massage establishments kept or managed by applicant or with which he/she is associated in any way.....

13. Has the applicant—

(a) previously been issued with a licence under these By-laws, if so, date of issue and Licence No.....

(b) ever been refused a licence under these By-laws.....

(c) ever had his/her licence revoked under these By-laws.....

I hereby certify that the particulars given in this application are to the best of my knowledge and believe correct.

.....  
Signature of Applicant

\*Delete where not applicable

NOTE—

(a) Two copies of applicant's photograph are to be attached to this application.

(b) Under paragraph 3 (6), the original certificates are to be attached which will be returned after scrutiny.

Form "B"

MUNICIPAL COUNCIL SEBERANG PERAI  
(MASSAGE ESTABLISHMENT) BY-LAWS, 1978

## LICENCE TO CARRY ON A MASSAGE ESTABLISHMENT

Passport Size  
photograph of  
Licencee to  
be affixed  
here

\*Mr/Mrs/Madam/Miss .....

(Identity Card No.....) of.....

whose photograph is affixed hereto, is hereby licensed to carry on the  
massage establishment known as.....

and situated at.....

subject to the provisions of the Municipal Council Seberang Perai  
(Massage Establishment) By-laws, 1978.

This licence will continue in force until.....  
unless revoked prior to such date under the provisions of the said By-  
laws.

Fee received \$..... (Dollars.....)

Date.....

.....  
President,  
Municipal Council, Seberang Perai

\*Delete where not applicable

